

05 JUN 1998

APEC-ACID'98/I

MALAYSIA AKAN ANJUR DIALOG KASTAM-INDUSTRI APEC PADA 8 JUN

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Malaysia, sebagai sebuah negara Asean utama yang melaksanakan sistem Pertukaran Data Elektronik (EDI) bagi penjelasan kastam, akan menganjurkan Dialog Kastam-Industri (ACID'98) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 8 Jun ini.

Acara selama dua hari itu akan membincangkan isu-isu penting mengenai kastam yang mempunyai implikasi yang serius terhadap pencapaian dagangan dan ekonomi rantau ini, dengan penekanan kepada cara untuk meningkatkan penggunaan sistem penyediaan dagangan perniagaan elektronik (e-commerce).

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Datuk Abdul Rashid Haji Bolong memberitahu satu sidang media di sini hari ini, ACID'98 akan dikendalikan dalam bentuk dialog seperti Dialog Perkongsian Bestari yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, lebih daripada 100 peserta termasuk wakil-wakil daripada sektor perniagaan dan kerajaan dari 18 buah negara anggota APEC dan tiga negara anggota baru dijangka menghadiri acara ini. Ketiga-tiga negara baru itu adalah Russia, Vietnam dan Peru.

Sejajar dengan tema "Menghadapi Cabaran Alaf Akan Datang", dialog itu akan membincangkan tiga bidang utama termasuk pembangunan sumber manusia dalam suasana perdagangan sejagat, teknologi maklumat dan juga integriti dan kerjasama di antara kastam dan sektor perniagaan dalam menyokong kemudahancara perdagangan sejagat.

Abdul Rashid berkata objektif ACID'98, antara lain, adalah untuk meningkatkan ketelusan dan kemudahancara perdagangan di rantau ini.

ACID'98 dianjurkan bersama oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja dan Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan, Malaysia (NCCIM). Penaja utama Dialog itu adalah syarikat pengedaran ekspres antarabangsa United Parcel Service (UPS). -- BERNAMA

YY JR OS